

Headline	Dua lagi jemaah kita meninggal di Makkah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Oct 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	115 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,080
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,240



Dua lagi jemaah kita meninggal di Makkah

Kuantan: Dua lagi kematian membabitkan jemaah haji di Makkah direkodkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan 18 orang bagi musim haji tahun ini, kata Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Katanya, dua kematian terbaharu itu membabitkan jemaah berusia lingkungan 50-an yang mengidap sakit jantung dan barah.

"Walaupun jumlahnya rendah dan masih ramai jemaah kita berada di sana, saya harap jemaah yang masih berada di Makkah sentiasa menjaga kesihatan mereka, makan ubat yang perlu dan terus mendapatkan rawatan jika rasa kurang sihat.

Sedia 250 kakitangan

"Kita menempatkan 250 kakitangan termasuk pakar di klinik dikendalikan Kementerian Kesihatan yang beroperasi 24 jam sehari. Jika ada rasa kurang sihat... batuk atau apa-apa petanda lain, terus ke klinik yang disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melawat dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga jemaah haji, Maznah Dali, 51, di Taman Sekilau Maju, dekat sini, yang meninggal dunia pada 30 September lalu.

Selain menyampaikan bantuan khairat kematian kepada keluarga Maznah, Abdul Azeez turut menyertai majlis tahlil di kediaman keluarga itu.